

No. Tel. : (673) 2383838
 No. Faks : (673) 2380127
 E-mail : info@mtic.gov.bn
 Website : http://www.mtic.gov.bn



مكتبرين فقثاكوئن دان اينفوكومونيكاسي
 KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
 MINISTRY OF TRANSPORT AND INFOCOMMUNICATIONS (MTIC)

Jalan Menteri Besar
 Bandar Seri Begawan BB3910
 Negara Brunei Darussalam

KP(MC)SUT/14/5

23 Rejab 1441
 18 Mac 2020

بسم الله الرحمن الرحيم
 السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Mulia
 Setiausaha Tetap
 Kementerian Hal Ehwal Ugama
 Negara Brunei Darussalam

Dato,

PER: PENGGUNAAN SEMENTARA JAMBATAN PENGHUBUNG DAERAH BRUNEI MUARA DAN DAERAH TEMBURONG

Dengan hormat sukacita merujuk perundingan yang telah diadakan pada 17 Mac 2020 di antara Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dengan Yang Berhormat Menteri Pembangunan selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pengurusan Jambatan Penghubung Daerah Brunei Muara dan Daerah Temburong antaranya mengenai perkara yang tersebut di atas.

2. Untuk makluman bersama, hasil perundingan berkenaan adalah bersependapat iaitu bagi kesemua agensi Kerajaan untuk menggunakan Jambatan Temburong sebagai **penghubung utama** di antara Daerah Brunei Muara dan Daerah Temburong bagi sebarang perkhidmatan yang berkepentingan (*essential services*). Pada masa yang sama, kerjasama daripada kesemua agensi adalah diharapkan demi sama-sama menjaga keselamatan dan kesejahteraan pengguna jalan raya semasa menggunakan Jambatan ini.

3. Sukacita juga menarik perhatian Sidang Media yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan pada 21 Rejab 1441H bersamaan 16 Mac 2020 khususnya mengenai penggunaan sementara Jambatan Temburong bagi menangani situasi masa kini iaitu COVID-19. Untuk sebarang pertanyaan, pihak Dato boleh menghubungi talian Darussalam 123 atau pihak Bridge Maintenance Office melalui email pro@pwd.gov.bn.

Sekian dihadapkan untuk makluman dan tindakan segera pihak Dato mengenainya. Atas kerjasama yang diberikan dalam perkara ini terlebih dahulu diucapkan terima kasih.

والسلام

"Jimat Air Amalan Mulia"

Dengan hormat,

(MOHAMMAD NAZRI BIN MOHAMMAD YUSOF)
 Setiausaha Tetap

